

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN MAC 2021

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	01.03.2021	Warganegara Myanmar Mengaku Salah Rasuah	2
2.	02.03.2021	AmBank Cukup Modal – bayar penyelesaian kes 1MDB tak perlu tambahan modal	3
3.	03.03.2021	Warga Syria Rasuah Pegawai Imigresen	4
4.	04.03.2021	Kontraktor Dipenjara Sehari, Denda RM90,000	5
5.	04.03.2021	Scandal 1MDB: Deloitte Setuju bayar RM324 Juta	6
6.	04.03.2021	Tuntutan Palsu : Pengarah Didenda RM20,000	7
7.	05.03.2021	MAB Masih Penting Untuk Malaysia	8
8.	05.03.2021	Prestasi Khazanah Stabil Pada 2020	8
9.	16.03.2021	Tiada Bukti RM114 Juta Duit 1MDB	9
10.	18.03.2021	Dua Pegawai Imigresen Dipenjara 10 Hari, Denda RM10,000	10
11.	19.03.2021	Bekas Pengarah Syarikat Didakwa Rasuah	11
12.	19.03.2021	'Datuk Seri' Didakwa Bantu Lepaskan 22 Warga China	12
13.	19.03.2021	Lagi Kes Anggota JPJ Terima Rasuah	13
14.	19.03.2021	Pejabat Yayasan Akalbudi Tidak Beroperasi Di Alamat Yang Didaftarkan Dengan SSM	14
15.	25.03.2021	Rasuah Projek RM9Juta: Pengarah Yayasan Direman	15
16.	25.03.2021	Nafi Bersalah 14 Tuduhan Rasuah	16

Utusan Malaysia | 1 Mac 2021 | Page: 31

Warganegara Myanmar mengaku salah rasuah

ALOR SETAR: Seorang lelaki warganegara Myanmar dijatuhi hukuman penjara 12 bulan dan denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini setelah mengaku bersalah menawarkan rasuah kepada anggota polis, kira-kira dua minggu lalu.

Tertuduh, Abdul Karim Ismail, 47, turut diperintahkan menjalani hukuman penjara tambahan enam bulan oleh Hakim Murtazadi Amran sekiranya gagal membayar denda ditetapkan.

Mengikut kertas pertuduhan, Abdul Karim yang bekerja sebagai buruh didakwa melakukan kesalahan itu di tepi jalan Kampung Pering, Kubang Pasu dekat sini kira-kira pukul 6.15 petang, 19 Februari lalu.

Dia didakwa menawarkan rasuah berjumlah RM200 kepada anggota polis, Konsta-

bel Mohamad Syazril Mhd. Azhari sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadapnya kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu tidak memiliki lesen memandu.

Tertuduh didakwa menunggang motosikal bersama seorang lagi rakannya sebelum ditahan Mohamad Syazril bagi tujuan pemeriksaan.

Setelah gagal mengemukakan lesen, tertuduh menawarkan wang sebanyak RM200 kepada Mohamad Syazril namun pemberian itu ditolak anggota polis berkenaan.

Tertuduh kemudiannya terus mendesak walaupun anggota polis tersebut telah memberi amaran sebanyak tiga kali bahawa perbuatannya itu salah, menyebabkan dia ditahan dan wang tersebut dirampas.



Utusan Malaysia | 2 Mac 2021 | Page: 34

Bayar penyelesaian kes 1MDB tak perlu tambahan modal

AmBank cukup modal

Oleh KU SYAFIQ KU FOZI dan
NURFAHIN HUSSIN
utusanekonomi@mediamula.com.my

PETALING JAYA: AMMB Holdings Berhad (AmBank) tiada keperluan segera untuk tambahan modal ekuiti kerana bank itu mempunyai modal yang mencukupi untuk menyerap penyelesaian RM2.83 bilion atas penglibatannya dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Sulaiman Mohd. Tahir bagaimanapun tidak menafikan penyelesaian tersebut akan mempunyai impak material terhadap pendapatan suku keempat tahun kewangan 2021 kumpulan itu dan seterusnya keputusan keseluruhan tahun kewangan 2021.

Kata beliau, penyelesaian tersebut turut menyebabkan kumpulan itu tidak akan mencadangkan apa-apa dividen akhir untuk tahun kewangan 2021.

"Kami telah mencapai persetujuan dengan Kementerian Kewangan untuk pembayaran sejumlah RM2.83 bilion kepada kerajaan Malaysia sebagai penyelesaian penuh dan terakhir semua tuntutan dan tindakan berhubung penglibatan kumpulan dengan 1MDB dan semua entiti berkaitannya sebelum ini.

"Kumpulan mahu meyakinkan pelabur dan pemegang taruh yang kami kekal berdaya tahan secara kewangan dan bersedia untuk memanfaatkan peluang pada masa



Disebabkan ketidaktentuan ekonomi akibat pandemik Covid-19, kami mengambil langkah proaktif dengan mengasingkan peruntukan makro sebanyak RM59.7 juta suku ini."

akan datang melalui strategi Lapan Fokus kami yang diperbaharui," katanya dalam kenyataan semalam.

AmBank turut mengumumkan keputusan untuk sembilan bulan pertama tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021 semalam.

Melalui maklumannya kepada Bursa Malaysia, syarikat perbankan itu mencatatkan keuntungan bersih yang lebih rendah pada sembilan bulan pertama tahun kewangan-nya pada RM866.32 juta berbanding RM1.09 bilion yang dicatat pada tempoh sama tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, jumlah pendapatan syarikat itu meningkat 5.7 peratus kepada RM3.42 bilion hasil pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi selain pendapatan dagangan dan pelaburan.

Pendapatan dasar syarikat itu pula meningkat 6.7 peratus tahun ke tahun, tidak termasuk kerugian modifikasi bersih sebanyak RM15.1 juta.

Menurut Sulaiman, keuntungan bersih kumpulan itu terkesan dengan peruntukan makro tambahan sepanjang tahun disebabkan bantuan berterusan yang diberikan kepada peminjam.

"Disebabkan ketidaktentuan ekonomi akibat pandemik Covid-19, kami mengambil langkah proaktif dengan mengasingkan peruntukan makro sebanyak RM59.7 juta suku ini, dengan peruntukan makro terkumpul sebanyak RM441.8 juta sejak pandemik bermula," katanya.

Dalam pada itu, Kumpulan Perbankan Australia dan New Zealand (ANZ) dilaporkan akan menurunkan nilai pelaburannya di AmBank setelah bank tersebut menyelesaikan tuntutan berkaitan dengan skandal 1MDB.

Pemberi pinjaman keempat terbesar di Australia itu dalam satu kenyataan kepada bursa memaklumkan akan melepaskan sebanyak A\$212 juta (RM667.81 juta) dalam 24 peratus nilai catatan sahamnya di AmBank, yang akan menurunkan hasil perolehan setengah tahun untuk fiskal 2021.

Pengurangan itu adalah disebabkan penyelesaian AmBank dengan kerajaan Malaysia atas penglibatannya dalam isu kecurian dana 1MDB bernilai AS\$4.5 bilion (RM18.24 bilion).

UTUSAN MALAYSIA/3 MAC 2021/M.S:33

Warga Syria rasuah pegawai Imigresen

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Dua beradik warganegara Syria dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan memberi rasuah berjumlah RM10,000 kepada seorang anggota Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), tahun lalu.

Tertuduh, Ali Esmail Hamed, 38 dan adiknya, Alaa Esmail Hamed, 35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan sebaik sahaja pertuduhan dibacakan jurubahasa dalam bahasa Inggeris di hadapan Hakim, Murtazadi Amran.

Mengikut kertas pertuduhan, kesalahan itu didakwa dilakukan kira-kira pukul 12.50 pagi, 22 Januari 2020 di Restoran Yasmeen Express milik Ali yang terletak di Pantai Chenang, Langkawi.

Rasuah itu didakwa diberikan sebagai dorongan kepada anggota JIM tersebut yang berjawatan Penolong Pegawai Imigresen KP29, untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap lima pekerja mereka yang ditahan di bawah Seksyen 6(1)(c) dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen.

Pertuduhan dikendalikan Timbalan Pendakwa Suruhanjaya



ALI Esmail Hamed (kiri) bersama adiknya, Alaa Esmail Hamid yang dituduh memberi rasuah kepada anggota JIM di Mahkamah Sesyen, Alor Setar semalam. - UTUSAN/MOHD. RAFIE AZIMI

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sew Ping mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama sementara kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Kuldeep Singh Gill.

Mahkamah menetapkan 8 April depan sebagai tarikh sebutan semula.

Kedua-dua mereka dibenarkan diikat jamin berjumlah RM15,000

dengan dua orang penjamin, warganegara tempatan, selain perlu melapor diri di pejabat SPRM terdekat pada minggu pertama, setiap bulan.

Pasangan adik-beradik itu dalam masa sama turut perlu menyerahkan dokumen perjalanan masing-masing kepada mahkamah dan difahamkan kedua-duanya membayar ikat jamin ditetapkan.

Utusan Malaysia | 4 Mac 2021 | Page: 12

Kontraktor dipenjara sehari, denda RM90,000

ALORSETAR: Seorang kontraktor dipenjara sehari dan didenda RM90,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas enam pertuduhan menggunakan dokumen palsu bagi menuntut bayaran lebih RM400,000 daripada kerajaan pada 2014 dan 2016.

Hakim Murtazadi Amran menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Zulfadhli Mahdir, 36, membuat pengakuan bersalah ke atas pertuduhan tersebut.

Murtazadi sebelum itu membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sew Ping untuk mengguna pakai Take Into Consideration (TIC) bagi tiga pertuduhan terakhir.

Zulfadhli kemudian dijatuhi hukuman penjara sehari serta didenda RM30,000 untuk setiap tiga pertuduhan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjara setahun bagi setiap pertuduhan sekiranya gagal membayar denda dikenakan dan Zulfadhli membayar jumlah denda tersebut.

Dia dituduh menggunakan dokumen palsu iaitu surat bayaran bagi program dan aktiviti pelancongan pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MO-TAC) Kedah berjumlah RM409,939 dari 9 Jun 2014 hingga 28 Januari 2016.

Ia antaranya melibatkan tuntutan menyewa khemah dan peralatan majlis untuk beberapa program termasuk pesta Songkran, menyewa gelanggang Muay Thai dan pengangkutan untuk perkhidmatan menyediakan pengangkutan sempena Pesta Air Langkawi 2014.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri di sini.

Utusan Malaysia | 4 Mac 2021 | Page: 3

Skandal 1MDB: Deloitte setuju bayar RM324 juta

Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**
farahin.hussin@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Deloitte PLT (Deloitte) bersetuju menyelesaikan semua tuntutan bernilai RM324 juta yang berkaitan tanggungjawab fidusiari mereka dalam pengauditan akaun 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International Sdn. Bhd. (SRC) untuk tempoh 2011 hingga 2014.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan, penyelesaian oleh Deloitte itu merupakan pe-

nyelesaian berkaitan 1MDB terbesar oleh sebuah firma audit di Asia Tenggara.

Kejayaan penyelesaian luar mahkamah dengan Deloitte akan mempercepatkan pembayaran wang penyelesaian tersebut untuk memenuhi kewajiban tertunggak 1MDB dan SRC, tanpa proses mahkamah yang mungkin berpanjangan dan mahal.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, ia merupakan satu lagi kejayaan dalam usaha

pemulihan berterusan kerajaan terhadap pihak yang terlibat dalam 1MDB, SRC dan entiti yang berkaitan dengannya.

"Kerajaan Malaysia bertekad untuk memastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap semua individu atau entiti yang terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dalam skim global 1MDB," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Pada Julai 2020, kerajaan berjaya dalam rundingan dengan Goldman Sachs untuk mencapai penyelesaian bernilai

RM15.8 bilion (AS\$3.9 bilion).

Terbaharu pada 26 Februari lalu, satu lagi penyelesaian global bernilai RM2.83 bilion membabitkan penglibatan sebuah kumpulan perbankan dengan isu 1MDB berjaya dicapai.

Kesemua penyelesaian itu tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan tuntutan Malaysia terhadap individu seperti Jho Low dan pihak lain yang berkaitan dengannya, dan yang masih giat dicari berhubung dengan skandal 1MDB, kata Kementerian Kewangan.

Utusan Malaysia | 4 Mac 2021 | Page: 12

Tuntutan palsu: Pengarah didenda RM20,000



EYO Ah Lai (kiri) diiring pegawai SPRM ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas kesalahan membuat tuntutan palsu Program Subsidi Upah di Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM

JOHOR BAHRU: Seorang pengarah syarikat didenda sebanyak RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas dua pertuduhan pilihan menggunakan dokumen palsu untuk menuntut subsidi kerajaan pada April, tahun lalu.

Tertuduh, Eyo Ah Lai, 64, dijatuhi hukuman tersebut oleh Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di dalam bahasa Mandarin.

Mahkamah turut mengarahkan tertuduh untuk menjalani hukuman penjara selama enam bulan bagi setiap pertuduhan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Selain itu, Ahmad Kamal juga memerintahkan agar wang tunai sebanyak RM9,600 daripada keseluruhan RM17,380.50 yang

disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes itu dilucut hak dan diserahkan kepada kerajaan manakala bakinya sebanyak RM7,780.50 diserahkan kepada pekerja yang layak.

Berdasarkan pertuduhan pilihan pertama, tertuduh didakwa dengan curangnya telah menggunakan dokumen palsu iaitu lampiran senarai empat nama pekerjaanya untuk menuntut pembayaran berjumlah RM4,800 menerusi Program Subsidi Upah (PSU) yang diperkenalkan kerajaan.

Sementara itu, bagi pertuduhan pilihan kedua pula, dia sekali lagi didakwa melakukan kesalahan sama menggunakan dua nama pekerjaanya dengan nilai tuntutan bayaran sebanyak RM4,800 di tempat yang sama pada 23 April tahun lalu.

34

UTUSAN MALAYSIA
JUMAAT • 5 MAC 2021

Ekonomi

↓ KUALA LUMPUR (Indeks Komposit) (-719) mata 1,581.26	↑ SINGAPURA (Straits Times) (+14.41) mata 3,014.78	↓ TOKYO (Nikkei) (-628.99) mata 28,930.11	↓ NEW YORK (Dow Jones) (-121.43) mata 31,270.09
--	---	--	--



MAB masih penting untuk Malaysia

Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**
kusyafiq.fozi@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: Di sebalik kerugian besar yang dialami sepanjang tempoh pandemik Covid-19, Khazanah Nasional Berhad (MAB) masih melihat Malaysia Airlines Berhad (MAB) sebagai aset yang strategik dan penting untuk negara.

Pengarah Urusannya, Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata, ia lebih jelas dalam situasi pandemik ketika ini yang mana tiada penerbangan dapat dilakukan syarikat lain, syarikat

penerbangan nasional seperti MAB diperlukan untuk menghubungkan Malaysia dengan dunia.

"(ia diperlukan) untuk membawa masuk kargo-kargo berharga seperti vaksin (baru-baru ini) yang mana MAB berada di barisan hadapan untuk membawanya masuk ke Malaysia.

"Pelaburan yang dilakukan Khazanah dalam tahun-tahun yang akan datang untuk memastikan MAB terus bernyawa sehingga kita dapat (melaksanakan strategi) patah bulih ialah sokongan yang diperlukan terhadap bahagian kritikal

dalam ekonomi dan infrastruktur negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar Ulangan Tahunan Khazanah 2020 yang diadakan secara maya semalam.

Menurut Shahril Ridza, pihaknya tidak dapat menjamin keberkesanan strategi patah balik yang akan dilaksanakan untuk MAB namun apa yang telah dilaksanakan Khazanah sebagai sebahagian daripada pelan penstrukturan semula MAB ialah berunding dengan pemegang dengan semua pemegang

taruh yang terlibat.

"Sebelum Covid-19, masalah yang ada bukanlah hanya melibatkan MAB. Industri penerbangan Malaysia mempunyai masalah lebih penawaran sejak sekian lama.

"Kita lihat laporan semua syarikat penerbangan yang bertapak di Malaysia, semua mengalami masalah lebih penawaran dan kurang kuasa penentuan harga," katanya.

Menurut Shahril Ridza, industri penerbangan dijangka pulih menjelang 2023 dan sehingga ia pulih, Khazanah tidak akan mempertimbangkan

untuk mengurangkan pegangan dalam MAB.

"Ia pramatang untuk difikirkan. Sebahagiannya kerana dalam persekitaran industri penerbangan semasa, secara asasnya pertimbangan yang dibuat hanya tentang penjualan aset dan prosedur ketidak-solvenan.

"Oleh itu, apa-apa perbincangan tentang rancangan membawa masuk pelabur baru mungkin hanya berlaku selepas pasaran penerbangan pulih dan kami menjangkakan pada 2023, atau paling awal 2022," katanya.

Prestasi Khazanah stabil pada 2020

PETALING JAYA: Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) berjaya mencatatkan prestasi yang stabil walaupun berhadapan pelbagai cabaran dan ketidakpastian ekonomi pada 2020.

Sayap pelaburan negara itu merekodkan keuntungan RM2.9 bilion daripada operasinya pada tahun tersebut, penyusutan 60.81 peratus daripada RM7.4 bilion tahun sebelumnya.

Syarikat bagaimanapun berjaya menurunkan hutang sebanyak enam peratus kepada RM43.1 bilion daripada RM45.8 bilion pada 2019, sementara Lindungan Nilai Aset Boleh Tunai berbanding jumlah hutang susut sedikit kepada 2.9 kali ganda berbanding tiga kali ganda.

Pengarah Urusan Khazanah, Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata, prestasi pada 2020 dicapai berlatarbelakangkan suasana ekonomi yang mencabar serta impak pandemik Covid-19 yang

belum pernah dilalui sebelum ini. "Sungguhpun demikian, usaha yang kami mulakan beberapa tahun lepas telah banyak membantu kami untuk mengharungi ketidakpastian ekonomi.

"Kami juga telah mengenal pasti beberapa peluang pelaburan yang baik ketika berada dalam tempoh pandemik ini serta ketidakstabilan pasaran akibat daripadanya.

"Khazanah terus mempelbagaikan portfolio globalnya sambil kami membina nilai mampan untuk Malaysia, selari dengan mandat jangka panjang kami," katanya dalam kenyataan dekat sini semalam.

Shahril Ridza turut mempererikan majlis Ulangan Tahunan Khazanah yang diadakan secara maya semalam.

Sementara itu, pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat pelaburan Khazanah meningkat kepada RM5.2 bilion

daripada RM3.8 bilion, namun syarikat itu meraih pelupusan yang lebih rendah pada 2020 iaitu RM2.7 bilion berbanding RM9.9 bilion tahun sebelumnya.

Kesan daripada pandemik turut menyaksikan peruntukan bagi rosot nilai meningkat kepada RM6 bilion, terutamanya bagi aset penerbangan dan perhotelan miliknya.

Pada tahun sebelumnya, Khazanah memperuntukkan RM4.9 bilion bagi rosot nilai.

Khazanah turut mengumumkan pengisytiharan dividen RM2 bilion kepada kerajaan bagi 2020.

Shahril Ridza melihat tahun ini akan kekal mencabar walaupun Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan telah bermula memandangkan proses vaksinasi di Malaysia dan seluruh

lunya, Khazanah memperuntukkan RM4.9 bilion bagi rosot nilai.

Khazanah turut mengumumkan pengisytiharan dividen RM2 bilion kepada kerajaan bagi 2020.

Shahril Ridza melihat tahun ini akan kekal mencabar walaupun Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan telah bermula memandangkan proses vaksinasi di Malaysia dan seluruh

lunya, Khazanah memperuntukkan RM4.9 bilion bagi rosot nilai.

Khazanah turut mengumumkan pengisytiharan dividen RM2 bilion kepada kerajaan bagi 2020.

Shahril Ridza melihat tahun ini akan kekal mencabar walaupun Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan telah bermula memandangkan proses vaksinasi di Malaysia dan seluruh

lunya, Khazanah memperuntukkan RM4.9 bilion bagi rosot nilai.

Khazanah turut mengumumkan pengisytiharan dividen RM2 bilion kepada kerajaan bagi 2020.

Shahril Ridza melihat tahun ini akan kekal mencabar walaupun Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan telah bermula memandangkan proses vaksinasi di Malaysia dan seluruh

dunia akan mengambil masa.

"Dalam sektor utama seperti penerbangan dan pelancongan, kami tidak menjangkakan pemulihan sepenuhnya berlaku sebelum 2023.

"Dalam memastikan kami terus berhemah dan berwaspada dalam mengharungi tempoh yang mencabar ini, kami telah mengenal pasti lima Keutamaan Strategik untuk tahun yang mendatang.

"Keutamaan ini merangkumi meningkatkan pulangan komersial, menyampaikan nilai yang memberi kesan ketara melalui pelaburan strategik, menjadi organisasi yang bertanggungjawab dengan menyematkan pertimbangan ESG dalam semua aktiviti pelaburan, membina asas digital dan teknologi yang kukuh dan melabur dalam warga kerja bagi melahirkan budaya prestasi serta kerjasama yang tinggi," katanya.



Utusan Malaysia | 16 Mac 2021 | Page: 11

Tiada bukti RM114 juta duit 1MDB

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Tiada bukti menunjukkan wang sebanyak RM114 juta hasil rampasan di salah sebuah unit kondominium di Pavilion Residence pada Mei 2018 adalah wang diseleweng daripada dana syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Peguam, Datuk Hariharan Tara Singh yang mewakili UMNO berkata, pegawai penyiasat perlu menunjukkan bukti dokumen seperti penyata bank bagi menunjukkan aliran wang daripada 1MDB atau mana-mana anak syarikat.

"Rumusan Superintenden Foo Wei Min yang menyatakan wang tersebut dijumpai di dalam 35 buah beg bersama barang kemas, jam tangan mewah dan beg-beg berjenama maka secara automatik ia adalah wang yang diselewengkan daripada 1MDB. Dengan hormatnya, Yang Arif, rumusan Superintenden Foo ini sangat tidak logik.

"Ketidadaan dokumen-dokumen sokongan tersebut juga menjadikan tuntutan pemohon tidak disokong oleh sebarang



KES tuntutan wang RM114 juta milik UMNO yang didakwa hasil seleweng daripada dana 1MDB.- AFP

bukti," ujar peguam tersebut.

Hariharan berhujah demikian dalam permohonan Kerajaan Malaysia untuk melucutkan aset dianggarkan bernilai RM680 juta milik Obyu Holdings Sdn. Bhd.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai

pihak ketiga yang berkepentingan menuntut wang RM114 juta yang dikatakan dana sumbangan politik kepada parti berkecuali bagi pembiayaan kempen Pilihan Raya Umum Ke-14.

Najib adalah Presiden UMNO ketika itu.

Sementara itu, peguam, Tan

Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib berkata, rampasan wang dan ratusan barangan mewah daripada unit kediaman di Pavilion Residence adalah salah dan satu pelanggaran prosedur yang disengajakan.

Sehubungan itu, barang ram-

pasan itu perlu dipulangkan kepada pemilik asal.

Selepas pihak-pihak selesai berhujah, Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin menetapkan 29 Mac ini untuk pihak pendakwaan yang diketuai Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi membalas hujahan-hujahan tersebut.

Pihak pendakwaan memfailkan permohonan untuk melucut hak aset yang dikatakan bernilai RM680 juta yang disita daripada premis milik Obyu Holdings dimiliki Tan Sri Bustari Yusof.

Dalam notis usul difailkan terhadap Obyu Holdings, kerajaan antara lain menyita sejumlah 11,991 unit barang kemas, 401 utas jam tangan dan 16 unit aksesori jam tangan, 234 unit cermin mata dan 306 beg tangan serta wang tunai pelbagai denominasi berjumlah RM114,164,393.44.

Pihak pendakwaan memfailkan permohonan lucut hak harta Obyu Holdings mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AM-LATFPUAA) 2001.

UTUSAN MALAYSIA | 18 MAC 2021 | PAGE: 29

Dua pegawai Imigresen dipenjara 10 hari, denda RM10,000

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
dan NOR SHAFAWATI YUP
rohaizah.zainal@medianusa.com.my

KUALA LUMPUR: Dua pegawai Jabatan Imigresen di dua negeri menerima padah apabila masing-masing dipenjara 10 hari dan denda RM10,000 kerana didapati bersalah terlibat dalam aktiviti rasuah.

Di **Shah Alam, Selangor**, seorang pegawai Jabatan Imigresen dijatuhi hukuman itu oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas didapati bersalah menerima suapan RM2,600 berhubung kes sindiket rasuah pemalsuan cap sempadan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2), di antara 2019 hingga 2020.

Hakim Rozilah Salleh turut memerintahkan tertuduh, Mohd. Azam Azhari Juhairi, 39, dipenjara enam bulan sekiranya gagal membayar denda.



MOHAMAD Jeffrey Mohd. Zin (kiri) tiba di Mahkamah Sesyen Seremban bagi perbicaraan kes rasuah semalam. - UTUSAN/MUHAMMAD IZZAT TERMIZIE

Mengikut pertuduhan, Mohd. Azam sebagai pegawai imigresen gred KP19 telah mene-

rima wang tunai RM2,600 daripada seorang lelaki di kaunter imigresen KLIA2 di antara No-

vember 2019 hingga Mac 2020.

Tertuduh yang masih berkhidmat di Depoh Tahanan Imigresen Bukit Jalil didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksan yang boleh dihukum penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Hakim Rozilah dalam penghakimannya memaklumkan, tertuduh sepatutnya menjaga pintu masuk negara, tetapi gagal dan mengkhianati amanah.

Mahkamah turut memerintahkan tiga harta melibatkan kenderaan pacuan empat roda jenis Ford Ranger, motosikal berkuasa tinggi jenis Ducati V4S dan basikal roadbike jenama Sworcks yang diperolehi daripada hasil rasuah itu turut dilupuskan haknya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sementara itu, di **Seremban, Negeri Sembilan**, Mohamad Jef-

fry Mohd. Zin, 32, yang merupakan Pegawai Imigresen Gred KP19 mengaku bersalah menerima suapan RM3,950 bagi melepaskan warga asing negara China daripada sebarang tindakan, dua tahun lalu.

Mohamad Jeffrey membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Madiah Hairullah.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh yang ketika itu bertugas di Bahagian Kawalan Imigresen, Balai Pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) didakwa menerima wang suapan berjumlah RM3,950 daripada orang tengah yang mengurus kemasukan warga asing dari China.

Wang tunai itu didakwa dimasukkan menggunakan mesin deposit tunai ke dalam akaun pihak ketiga bagi melepaskan warganegara China daripada sebarang tindakan mengikut Akta Imigresen 1959/63.

Utusan Malaysia | 19 Mac 2021 | Page: 12

Bekas pengarah syarikat didakwa rasuah

SHAH ALAM: Bekas pengarah syarikat penyewaan kapal, Pristine Offshore Sdn. Bhd. didakwa di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan memberi suapan RM321,350 sebagai imbuhan memberikan subkontrak penyewaan kapal dalam kerja-kerja cari gali minyak tahun lalu.

Tertuduh, Chew Ben Ben, 64, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Rozilah Salleh selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, Ben Ben yang juga bekas guru memberikan suapan kepada seorang ketua pegawai operasi sebuah syarikat untuk faedah dirinya sejumlah RM321,350 sebagai upah memastikan syarikat Pristine Offshore Sdn. Bhd. dianugerahkan subkontrak penyewaan kapal dalam kerja-kerja cari gali minyak.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Bandar Kinrara, Puchong di antara 29



CHEW Ben Ben dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor atas pertuduhan rasuah melibatkan penyewaan kapal dalam kerja-kerja cari gali minyak tahun lalu. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

Jun dan 14 Oktober tahun lalu.

Dia didakwa di bawah Seksyen 16 (b) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) 2009 yang boleh dihubung di bawah subseksyen 24 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh

dipenjarakan 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Akram Gharib menawarkan jaminan RM150,000 bersama seorang penjamin dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Tertuduh yang diwakili tiga peguam Bernard Francis, Chong Ki Keong dan Azim Razak tidak memohon pengurangan jaminan tetapi memaklumkan itu pertuduhan pertama dihadapi anak guamnya.

"Kami hanya memohon pasport diserahkan sehingga Isnin ini dengan tiada kerisauan untuk lari kerana memberikan kerjasama kepada pihak SPRM sebelum ini," kata peguam.

Mahkamah membenarkan permohonan kedua-dua pihak pendakwaan dan pembelaan dan menetapkan tarikh sebutan semula kes pada 25 Mei ini.

Utusan Malaysia | 19 Mac 2021 | Page: 12

'Datuk Seri' didakwa bantu lepaskan 22 warga China

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamalaysia.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang ahli perniagaan berpangkat 'Datuk Seri' mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas empat pertuduhan menerima suapan dan memperdaya seorang individu melibatkan sejumlah RM176,000 bagi membantu melepaskan 22 warga China, tahun lalu.

Mohammed Al Faizal Mohammed, 45, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh secara rasuah didakwa menerima suapan RM176,000 daripada Lim Seng Chye, 41, sebagai dorongan untuk membantu melepaskan 22 warganegara China dari tahanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah hotel di Jalan Bukit Bintang di sini pukul 11 malam pada 22 September tahun lalu.

Kedua-dua pertuduhan tersebut dikemukakan mengikut



MOHAMMED Al Faizal Mohammed dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam untuk didakwa atas tuduhan menerima suapan dan memperdaya seorang individu bagi membantu melepaskan 22 rakyat China.

Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Hukuman bagi seksyen itu memperuntukkan penjara maksimum 20 tahun dan denda

tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Sementara bagi pertuduhan pilihan pertama dan kedua, Mohammed Al Faizal didakwa memperdaya mangsa sama se-

hingga mempercayai dia boleh membebaskan 22 warga China itu menyebabkan mangsa menyerahkan wang tunai tersebut.

Kedua-dua kesalahan bagi pertuduhan pilihan itu didakwa dilakukan pada tempat, waktu dan tarikh sama.

Dia didakwa mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman maksimum lima tahun atau dengan denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Sementara itu di mahkamah sama, seorang wanita yang juga rakan kepada Mohammed Al Faizal turut mengaku tidak bersalah atas empat pertuduhan berhubung perkara sama.

Mariam Beevi M. Sultan Alau-din, 41, membuat pengakuan tidak bersalah itu bagi keempat-empat pertuduhan menerima suapan dan memperdaya Seng Chye berjumlah RM33,000 atas dorongan sama iaitu melepaskan 22 warga China tersebut.

Kesalahan itu didakwa dilakukan pukul 8.17 dan 8.18 malam di sebuah bank di Jalan Tun Perak di sini pada 6 November lalu yang didakwa mengikut akta dan seksyen sama.

Utusan Malaysia | 19 Mac 2021 | Page: 12

Lagi kes anggota JPJ terima rasuah

ALOR SETAR: Seorang anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan kerana disyaki menerima suapan daripada pengusaha-pengusaha dan pekerja syarikat pengangkutan.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Penolong Pendaftar, Jamaludin Elias selepas mendapat permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Alor Setar dekat sini.

Sumber SPRM memberitahu, anggota berusia 47 tahun itu ditahan kira-kira pukul 11.06 pagi kelmarin sewaktu hadir ke pejabat SPRM Alor Setar bagi memberi keterangan.

"Anggota terbabit disyaki menerima suapan daripada pihak berkaitan sebagai balasan tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas lori milik syarikat mereka yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

"Penahanan anggota tersebut merupakan rentetan daripada tangkapan dilakukan terhadap 44 individu terdiri daripada 32 pegawai dan anggota JPJ dalam Op Sukat yang dilaksanakan secara besar-besaran di lima negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Melaka dan Perlis," katanya.

SPRM sebelum ini memaklumkan, pegawai dan anggota JPJ ditahan dalam operasi itu terdiri daripada pelbagai gred termasuk pegawai kanan manakala orang awam bertindak sebagai proksi.

Mereka dipercayai menerima kira-kira RM150 hingga RM3,000 sebulan dengan nilai keseluruhan kira-kira RM1.64 juta.

Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd. Manap mengesahkan tangkapan anggota terbabit namun enggan mengulas lanjut.

Utusan Malaysia | 19 Mac 2021 | Page: 13

Pejabat Yayasan Akalbudi tidak beroperasi di alamat yang didaftarkan dengan SSM

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini semalam diberitahu, pejabat Yayasan Akalbudi milik Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamid tidak pernah beroperasi di alamat yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Notis yang dikeluarkan oleh SSM menunjukkan Yayasan Akalbudi didaftarkan di sebuah alamat di Jalan Raja Abdullah di sini.

Penolong Kanan Penguasa Khairudin Kilau, 44, berkata, hasil kunjungannya di alamat tersebut bagi mengumpulkan dokumen penting milik Yayasan Akalbudi mendapati, pejabat itu tidak beroperasi di situ.

Pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SSM) itu berkata, selepas memeriksa premis berkenaan, beliau tidak menemui dokumen milik yayasan bagi membantu siasatan yang dijalankan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Ahmad Zahid, 68, sedang dibicarakan terhadap 47 pertuduhan dengan 12 daripadanya membabitkan pecah amanah, lapan rasuah dan 27 pengubahan wang haram, melibatkan puluhan juta ringgit dana milik Yayasan Akalbudi.

Khairudin menyatakan, beliau menjalankan pemeriksaan di yayasan itu selepas percubaan bagi mendapatkan laporan tahunan, laporan audit dan minit mesyuarat daripada Tetuan Lewis & Co. tidak berjaya.

Menurut saksi pendakwaan ke-99 itu, siasatan awal untuk mendapatkan maklumat bermula pada 2016 manakala siasatan secara terbuka dijalankan pada 2018.

Saksi terakhir itu berkata, pemeriksaan dengan pihak SSM gagal memperoleh sebarang dokumen termasuk laporan tahunan dan audit berkaitan Yayasan Akalbudi.

Ujarnya, beliau turut memin- ta dokumen-dokumen tersebut

daripada Setiausaha Yayasan Akalbudi, Mahinder Kaur namun, dimaklumkan bahawa ia tidak disimpan kerana yayasan itu tidak pernah mengadakan mesyuarat agung tahunan.

Kata saksi itu lagi, Mahinder malah memaklumkan dia tidak menerima sebarang arahan daripada pengurusan yayasan untuk menyediakan laporan audit.

Menurut Khairudin, oleh kerana percubaan untuk memperolehi dokumen daripada Mahinder tidak berjaya, dia bertindak membuat pemeriksaan di alamat yayasan itu berpandukan kepada notis pendaftaran dengan SSM.

Sementara itu, ketika disoal balas oleh peguam Datuk Ahmad Zaidi Zainal yang mewakili tertuduh, saksi menyatakan Yayasan Akalbudi tidak boleh menerima sumbangan politik kerana ia bukan sebuah parti politik.

Khairudin juga tidak bersetuju dengan cadangan peguam

bela bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri menerima sumbangan politik yang kemudian disalurkan ke dalam akaun Yayasan Akalbudi.

Pada sesi soal balas itu, mahkamah turut diberitahu, Ahmad Zahid pernah membuat laporan polis pada 31 Disember tahun lalu berhubung keterangan salah seorang saksi pendakwaan berkaitan dana yang dipegang oleh Tetuan Lewis & Co.

Dalam laporan tersebut, beliau terkejut apabila rakan kongsi syarikat guaman itu memberi keterangan bahawa dana berkenaan adalah milik Yayasan Al-Falah sedangkan dana itu sebenarnya milik Yayasan Akalbudi.

Ahmad Zahid turut menyatakan dalam laporan itu bahawa beliau tidak mempunyai kuasa melantik mana-mana pihak sebagai pemegang amanah kepada Yayasan Al-Falah.

Perbicaraan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah bersambung esok.

Utusan Malaysia | 25 Mar 2021 | Page 13



PENGARAH sebuah yayasan di Terengganu ditahan reman tujuh hari bagi membantu siasatan kes rasuah di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu, Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Rasuah projek RM9 juta: Pengarah yayasan direman

KUALA TERENGGANU: Seorang pengarah sebuah yayasan di negeri ini ditahan reman seminggu bermula semalam bagi membantu siasatan kes menerima suapan membabitkan projek pelitup muka bernilai RM9 juta, tahun lalu.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Wan Azianti Abd. Salleh di Mahkamah Majistret di sini.

Pengarah berusia 55 tahun itu ditahan di rumahnya di sini, kira-kira pukul 4.30 petang kelmarin.

Menurut sumber, lelaki itu disyaki menerima suapan daripada pengarah sebuah syarikat

sebagai balasan mencadangkan pelaburan usaha sama dengan syarikat berkenaan bagi pengeluaran pelitup muka.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Semalam, di mahkamah sama, dua pengarah syarikat dan seorang penjawat awam ditahan reman tujuh hari bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan projek pelitup muka bernilai kira-kira RM9 juta itu.

Utusan Malaysia | 25 Mar 2021 | Page 12

Nafi bersalah 14 tuduhan rasuah

Oleh **DIYANATUL
ATIQA ZAKARYA**
utusannews@mediamula.com.my

MELAKA: Seorang penolong pegawai perubatan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 14 pertuduhan menerima wang suapan bernilai hampir RM28,000, tiga tahun lalu.

Mohd. Zamry Yazid, 46, membuat pengakuan itu sebaik sahaja pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan satu hingga 14, dia yang bertugas di Pejabat Kesihatan Jasin didakwa menggunakan kedudukan untuk mendapatkan suapan dengan terlibat dalam permohonan penyediaan sebut harga dan pembekalan peralatan perubatan.

Tertuduh telah memperakui tuntutan bayaran melalui 14 baucar Arahan Pembayaran bagi pembekalan perubatan berjumlah keseluruhan RM27,901 daripada Syarikat Pella Maju Enterprise milik saudaranya, Norfazilah Yazid.

Perbuatan itu didakwa dilakukannya antara 9 Oktober 2018 hingga 12 November 2018.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dikenakan hukuman pen-



MOHD. Zamry Yazid (tengah) dibawa ke Mahkamah Sesyen, Ayer Keroh, Melaka atas pertuduhan menerima rasuah. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQA ZAKARYA

jara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta sama.

Terdahulu, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendak-

wa Raya, Irwan Shah Abdul Samat mencadangkan jumlah jaminan sebanyak RM8,000 bagi kesemua pertuduhan.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bagaimanapun merayu jaminan rendah diberikan dengan alasan dia kini menjaga ibunya yang menghidap strok dan adik perempuan orang kurang upaya (OKU) dengan

kedua-duanya mereka tidak berupaya menguruskan diri sendiri.

Selepas mendengar rayuan kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM7,000 dengan seorang penjamin bagi kesemua pertuduhan dan menetapkan tarikh 21 April ini sebagai sebutan semula kes.